

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RMK 462 - PENTADBIRAN TANAH

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Senaraikan ciri-ciri asas Kanun Tanah Negara 1965 berbanding dengan undang-undang tanah sebelumnya.
(10 markah)
- (b) Apakah kuasa dan had bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri terhadap tanah kerajaan?
(15 markah)
2. (a) Nyatakan perbezaan antara konsep 'pengkelasan tanah' dan 'kategori tanah' dan senaraikan jenis-jenis tanah untuk setiap konsep ini.
(10 markah)
- (b) Apa itu Lesen Pendudukan Sementara dan apakah hak-hak pemegang lesen ini?
(15 markah)
3. Prinsip tunggal Sistem Torrens ialah; ketidakbolehsangkalan hak milik apabila ianya telah didaftarkan. Dengan berpandukan contoh-contoh terangkan maksud "ketidakbolehsangkalan" serta sifat-sifatnya dan pengecualian terhadap prinsip ini.
(25 markah)

- 2 -

4. (a) Berikan penjelasan tentang perbezaan antara syarat nyata dan syarat tersirat dan nyatakan syarat-syarat tersirat untuk tanah bangunan dan tanah pertanian.

(15 markah)

- (b) Ketika membuat permohonan untuk memecah bahagi bangunan dalam Borang 1, Akta Hakmilik Strata 1985; nyatakan perkara yang perlu disertakan bersama permohonan ini.

(10 markah)

5. (a) Nyatakan jenis urusan-usaha yang diiktiraf oleh Kanun Tanah Negara dan urusan-usaha urusan-usaha yang perlu didaftarkan.

(15 markah)

- (b) Senaraikan tugas-tugas perbadanan pengurusan seperti yang termaktub dalam Seksyen 43 (1) Akta Hakmilik Strata 1985.

(10 markah)

-ooo00ooo-